



RINGKASAN CADANGAN PROJEK


PEMBANGUNAN DAN KHIDMAT PERLAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN ASET UNTUK
KPJ TAWAKAL HEALTH CENTRE

PENGENALAN

SISTEM PENGURUSAN ASET

Aset2U adalah satu aplikasi berdasarkan web dibangunkan bagi memenuhi keperluan pengurusan secara komprehensif. Sistem ini dibangunkan oleh tenaga mahir tempatan mengikut spesifikasi dan keperluan pengurusan sesuatu organisasi kerajaan atau swasta di Malaysia.

Sistem ini dibangunkan dengan menggunakan teknologi yang boleh digunakan di semua peranti sokongan terkini seperti desktop komputer, smartphone dan ipad. Bagi memenuhi keperluan pengurusan yang lebih efisyen, sistem ini juga



menyokong pelaksanaan secara ‘offline’, android dan ios.

Sistem ini juga sedia untuk diintegrasikan dengan mana-mana sistem bagi memudahkan proses dan mengelakkan pertindihan kerja.

Matlamat utama di dalam perlaksanaan projek ini ialah meningkatkan integriti dari setiap aspek pengurusan aset di KPJ Tawakkal Health Centre khususnya di dalam pendaftaran aset, pelabelan aset, pemantauan pergerakan aset, penyelenggaraan, semakan dan statistik pengurusan aset KPJ Tawakkal Health Centre.


OBJEKTIF

Objektif pelaksanaan projek ialah:

- Melaksanakan proses pendafatran aset menggunakan satu database berpusat.
- Menggunakan teknologi matrix code di dalam proses melabel semua aset yang diguna pakai di **KPJ Tawakkal Health Centre**.
- Menyediakan audit rekod bagi penempatan dan pergerakan aset.
- Dapat memberikan keputusan segera bagi isu pengeluaran berdasarkan kepada jenis aset dan tahap kebenaran.
- Mengelakkan kesilapan pengguna yang akan menyebabkan data tidak sama dengan fizikal aset.
- Memberi maklumat yang cepat mengenai lokasi semasa dan status daripada fizikal aset (dengan membuat imbasan kepada matrix code yang terdapat pada aset).
- Menyediakan rekod audit semua isu-isu berbangkit berkaitan penempatan, pergerakan, pemeriksaan, pelupusan dan hapukira.
- Memberi elemen kawalan pergerakan aset yang lebih efisyen.
- Menguruskan Penerimaan dan Pengeluaran aset dengan lebih cekap dan selamat.
- Mengelakkan daripada pengeluaran aset kepada pihak yang salah.
- Menyelesaikan isu pengurusan aset yang dibangkitkan oleh pihak Audit.

Faedah pelaksanaan projek ialah:

- Mengelakkan berlaku penyelewengan proses penerimaan dan pengeluaran aset di semua stor aset.
- Membolehkan semakan aset dilakukan dengan cepat dan tepat.
- Membolehkan maklumat rujukan silang dilakukan dari pusat pangkalan data bagi sesuatu kes atau kesalahan pegawai di dalam pengurusan aset..
- Membolehkan audit menyeluruh dilakukan dengan kadar segera.
- Menghasilkan satu cara yang mudah untuk melihat status isu aset secara keseluruhan dengan capaian menggunakan komputer berpusat.
- Maklumat boleh dikaitkan dengan jadual penyelenggaraan atau keadaan aset.
- Pihak pengurusan tidak bergantung kepada keboleh bacaan maklumat tulisan tangan.
- Dapat memastikan bekalan aset di semua peringkat mencukupi.
- Statistik pengurusan dan penggunaan aset dapat dikeluarkan dengan cepat dan dapat dilakukan secara keseluruhan.
- Semua aset di **KPJ Tawakkal Health Centre** akan dilabel dengan satu kod unik sebagai pengenalan kepada aset tersebut.



Skop Pembangunan dan Perkhidmatan

Pembangunan Aplikasi

- Membangun semua modul yang dicadangkan mengikut spesifikasi yang dipersetujui oleh pihak agensi.
- Menyediakan fungsi permohonan dan kelulusan secara on-line.
- Menyediakan fungsi notifikasi sistem yang sistematik. Notifikasi sistem kepada pengguna, pegawai dan penyelenggara stor.
- Menyediakan fungsi pemeriksaan aset menggunakan aplikasi mudah alih (android & ios).
- Menyediakan proses permohonan dan kelulusan pelupusan aset.
- Menyediakan fungsi muat naik dan paparan dokumen berkaitan aset
- Mempunyai proses semakan pergerakan dari aspek penggunaan dan penyelenggaraan.
- Menyediakan laporan yang selari dengan keperluan keseluruhan TNB, laporan pegangan stok semasa, senarai aset.
- Mengurus transaksi pergerakan aset menggunakan teknologi terkini.
- Menggunakan framework Xcube.io.


 Framework yang menyokong fungsi HTML5 dengan faedah kebolehcapaian sistem, penggunaan konsep doctype, kod bersih, penyimpanan data yang tersusun, interaksi sistem terbaik, menyokong aplikasi mobile dan menyokong semua pelayan web (web browser).

Perisian sokongan pembangunan aplikasi

Linux UBUNTU (Ver. 14), Database MongoDB (Ver 2.6), Bootstrap, Meteor (Java Script), Node.JS 1.0.2, JasperSoft - Tomcat (Versi 4.5) dan NGINX (Ver 1.6).



Modul utama Aset2U.




Integrasi & Pemindahan Data (Data Migration).

Bagi memastikan sistem yang dibangunkan memenuhi standard pengurusan maklumat KPJ Tawakkal Health Centre, Aset2U boleh diintegrasikan dengan sistem sedia ada yang digunakan di KPJ Tawakkal Health Centre. Maklumat yang perlu diintegrasikan ialah:

- Maklumat kakitangan
- Maklumat lokasi
- Maklumat Aset dan
- Lain-lain maklumat yang akan dibincangkan kelak.

Salain daripada keupayaan untuk melaksanakan kerja-kerja integrasi dengan sistem sedia ada. Sayarikat juga bersedia untuk melakukan kerja-kerja pemindahan data asas pelaksanaan sistem aset daripada rekod manual atau rekod dalam bentuk softcopy.

Contoh Pelabelan Aset.



Kesimpulan.

Secara keseluruhannya, Sistem Pengurusan aset yang dicadangkan mampu menjadi satu sistem komprehensif di dalam menjadi pemangkin kepada peningkatan tahap pengurusan aset KPJ Tawakkal Health Centre secara lebih cekap, efisien, telus dan berintegriti tinggi.

Contoh Paparan Sistem

VERSI SEDIA ADA

The screenshot shows the SPA1PP system's dashboard. On the left is a sidebar with links like Serahan, Daftar Aset, Carian Aset, Penempatan, etc. The main area has a title 'Pengurusan Aset'. It includes a 'Panel Pemantauan' box with items like Pengesahan Harta Modal (2973 rekod), Pengesahan Aset Bernilai Rendah (448 rekod), and Serahan Yang Belum Diterima (0 rekod). To the right is a bar chart titled 'Nilai Pembelian Aset Tahunan' showing values for 2009, 2011, 2013, and 2015. The chart shows a peak around 2011 and 2013.

VERSI BAHARU


The screenshot shows the SPATD system's dashboard. The sidebar on the left is similar to the previous version. The main dashboard features six cards with icons and counts: 'PENGESAHAN DAFTAR HARTA MODAL' (0), 'PEMERIKSAAN' (0), 'PENERIMAAN AGIHAN' (0), 'PENGESAHAN DAFTAR ASET NILAI RENDAH' (0), 'PELUPUSAN' (0), and 'KEHILANGAN' (0).

The image displays three screenshots of the SPATD G1 mobile application interface, showing the login screen, dashboard, and search functionality.

- Login Screen:** Shows the URL 192.168.0.113:3025/login. It features a logo for "spatd G1", fields for "admin" and ".....", a "Sign in" button, and a "Forgot password?" link. The footer indicates "xCube.io Framework © 2014".
- Dashboard:** Shows the URL 192.168.0.113:3025/#/. The title is "DASHBOARD Sistem Pengurusan Aset (SPATD)". It displays five statistics with icons:
 - PENGESAHAN DAFTAR: 173
 - PEMERIKSAAN: 750
 - PENGELUARAN STOK: 210
 - PENERIMAAN: 25
 - FAIL: 12
- Search Functionality:** Shows the URL spatd G1. The title is "Carian Keseluruhan". It includes a search bar and several filter fields:
 - Imbas Barkod
 - No.Siri Pendaftaran
 - Kod eSKN
 - No.Rujukan Fail
 - Kategori
 - Sub Kategori
 - Jenis
 - Jenama

HUBUNGI KAMI.

Kanntronics Sdn. Bhd. Co. No. 562622-V
F-02-03A, Block F, Dataran Glomac,
Jalan SS 6/5B, Pusat Bandar Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor D.E
web site : www.kanntronics.com email : sales@kanntronics.com



Tel : 03-7880 4454 / 4414
H.P : 012-2828201

Fax: 03-7880 5545

